

Headline	Tiga pengembara sambut Aidilfitri di Riyadh		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Apr 2024	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	22	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	307 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,094
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,282



## EKSPEDISI KAYUHAN BERBASIKAL KE MAKKAH

# Tiga pengembara sambut Aidilfitri di Riyadh

**Kuala Lumpur:** Tiga rakyat Malaysia yang sedang melakukan ekspedisi kayuhan berbasikal ke Tanah Suci Makkah melalui jalan darat untuk menunaikan haji tahun ini, akan merayakan Aidilfitri bersama rakyat Malaysia di Riyadh, Arab Saudi.

Ahmad Mohd Isa, 36, berkata, dia dan isteri, Noradilah Mohd Shafie, 37, serta rakan, Abdul Halim Talha, 57, tiba di Arab Saudi sejak tiga hari lalu dan mereka akan menempuh perjalanan lebih 1,300 kilometer (km) untuk tiba ke Tanah Suci Makkah.

Menurutnya, mereka dijangka menyambut Aidilfitri di Riyadh dan sudah menerima jemputan daripada pihak Kedutaan Malaysia di sana untuk merayakan hari raya bersama.

"Alhamdulillah, setakat ini kami bertiga sihat dan kini berada di Salwa dalam perjalanan ke Riyadh yang mana ia mengambil masa kira-kira lima hari untuk tiba. Kami juga akan cuba



AHMAD (kiri) bersama isteri, Noradilah dan Abdul Halim tiba di Arab Saudi dan akan menempuh perjalanan lebih 1,300 kilometer untuk tiba ke Tanah Suci Makkah.

untuk sampai ke sana sebelum Aidilfitri," katanya.

Menurutnya, mereka merancang untuk meneruskan perjalanan ke Madinah pada hari raya ketiga atau keempat dan seterusnya ke destinasi terakhir, Tanah Suci Makkah bagi menunaikan haji.

Berkongsi cabaran berpuasa ketika ini, Ahmad berkata, biarpun berdepan cuaca panas namun mereka bersyukur perjalanan itu dipermudahkan Allah SWT. "Kami jarang berkayuh pada Ramadan dan dalam cuaca ketika ini, berkayuh pada awal pagi dan malam

lebih sesuai.

"Kami berkayuh pada waktu malam selepas solat Tarawih, siang kami rehat. Cuma, perjalanan pada waktu malam agak berisiko tinggi kerana tiada lampu jalan.

"Cuaca di Arab Saudi panas dengan suhu 37 darjah Celsius dan bahang cukup

terasa apabila melalui kawasan padang pasir. Kami juga pernah berbuka puasa dengan kurma saja sementara terjumpa kedai makan atau kawasan selamat untuk berhenti.

"Seperti sebelum ini, kami makan kurma dahulu sebelum menemukan tempat selamat untuk berhenti, rehat dan makan selepas 15 kilometer perjalanan," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan, Ahmad dan Noradilah bersama Che Saad Nordin, 75, dan Abdul Halim memulakan misi kayuhan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) di Kepong pada 23 November lalu.

Bagaimanapun, Che Saad berdepan masalah kesihatan akibat cuaca sebaik tiba di Wagah Port, Lahore, Pakistan pada 25 Januari, sebelum dihantar pulang.

Ahmad dan Noradilah sebelum ini melaksanakan misi pertama menunaikan umrah dengan berbasikal melalui jalan darat pada 2016.